



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 4 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	91YO SARAWAKIAN GREAT-GRANDMA HAS BEEN WEAVING PANDANUS MATS FOR EIGHT DECADES	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/people/2024/01/03/91yo-sarawakian-great-grandma-has-been-weaving-pandanus-mats-for-eight-decades	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	#SHOWBIZ: ROSS ARIFFIN WISHES TO STAY AT JKM-RUN HOME FOR THE ELDERLIES	
	https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2024/01/996956/showbiz-ross-ariffin-wishes-stay-jkm-run-home-elderlies	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	TUJUH TAHUN TERPISAH, KELUARGA KANDUNG KANAK-KANAK DICARI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/642425/edisi/utara/tujuh-tahun-terpisah-keluarga-kandung-kanak-kanak-dicari	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	WANITA, ADIK IPAR DICABUL KETIKA BERUBAT DENGAN 'USTAZ'	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/wanita-adik-ipar-dicabul-ketika-berubat-dengan-ustaz/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/03/ustaz-noda-wanita-ketika-lakukan-rawatan-ditahan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1046860/ustaz-bawa-ke-bilik-berasingan-sebelum-cabul	HMETRO.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PUKUL ISTERI HANYA KERANA TUTUP PINTU DENGAN KUAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1046702/pukul-isteri-hanya-kerana-tutup-pintu-dengan-kuat	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/tutup-pintu-dengan-kuat-isteri-dibelasah-suami/	BULETINTV3.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/03/lelaki-belasah-isteri-berang-tutup-pintu-rumah-kuat/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dipukul-suami-selepas-tutup-pintu-dengan-kuat-452480	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/642399/berita/semasa/wanita-dipukul-suami-gara-gara-tutup-pintu-kuat	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259104	BERNAMA.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1195651/isteri-dibelasah-suami-kerana-tutup-pintu-dengan-kuat	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/03/isteri-dipukul-kerana-hempas-pintu-rumah/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://selangorkini.my/2024/01/hanya-kerana-tutup-pintu-kuat-isteri-lebam-dipukul-suami/	SELANGORKINI.MY
	https://thesun.my/cerita/berita/lelaki-pukul-isteri-hingga-cedera-semata-mata-kerana-tutup-pintu-dengan-kuat-ditahan-FK11937750	THESUN.MY
	https://siakapkei.my/2024/01/03/pukul-isteri-hingga-cedera-lelaki-ditahan/	SIAKAPKEI.MY
	https://www.buzzkini.com/news/2024/01/03/suami-pukul-isteri-hanya-kerana-tutup-pintu-rumah-dengan-kuat/	BUZZKINI.COM
	https://therakyatinsight.com/lelaki-ditahan-selepas-belasah-isteri-kerana-hempas-pintu/	THERAKYATINSIGHT.COM
	https://sumberkini.my/suami-belasah-isteri-sebab-hempas-pintu-kuat/	SUMBERKINI.MY
	https://www.wilayahku.com.my/lelaki-pukul-isteri-hingga-cedera-kerana-tutup-pintu-dengan-kuat-ditahan/	WILAYAHKU.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	AMAH TANAM BAYI BELAKANG RUMAH	
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/03/amah-tanam-bayi-belakang-rumah/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/03/polis-tahan-pembantu-rumah-indonesia-bantu-siasatan-penemuan-mayat-bayi-lelaki/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1046717/penemuan-mayat-bayi-pembantu-rumah-ditahan	HMETRO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/996841/indonesian-maid-arrested-over-body-newborn-baby-found-buried-kangar	NST.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/642488/berita/semasa/penemuan-mayat-bayi-pembantu-rumah-indonesia-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/mayat-bayi-berulat-ditanam-belakang-rumah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/video/2024/01/mayat-bayi-berulat-ditanam-belakang-rumah-2/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/03/amah-ditahan-tanam-mayat-bayi-di-belakang-rumah-jiran/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=2zGonkY56_8	YOUTUBE
	https://selangorkini.my/2024/01/amah-indonesia-tanam-mayat-bayi-belakang-rumah-jiran-majikan/	SELANGORKINI.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/penemuan-mayat-bayi-polis-tahan-amah-warga-indonesia/	BULETINTV3.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259229	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PENGGUNAAN INTERNET BEBAS FAKTOR BERLAKU KES JENAYAH SEKSUAL	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1195742/penggunaan-internet-bebas-faktor-berlaku-kes-jenayah-seksual	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1046798/penggunaan-internet-bebas-faktor-berlaku-kes-jenayah-seksual	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2259119	BERNAMA.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	TERGAMAK BELASAH ANAK SEBAB TERKENCING DI SOFA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1046878/tergamak-belasah-anak-sebab-terkencing-di-sofa	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/03/bapa-baran-belasah-anak-sebab-terkencing-atas-sofa/	KOSMO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/03/bapa-direman-seminggu-pukul-anak-terkencing-di-sofa/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/lelaki-pukul-isteri-gara-gara-anak-terkencing-di-sofa/	UTUSAN.COM.MY



91YO Sarawakian great-grandma has been weaving pandanus mats for eight decades

By SHEELA CHANDRAN

PEOPLE
Wednesday, 03 Jan 2024
2:00 PM MYT



"I continue to weave because my heart tells me to weave," says Ngot. Photos: Edric Ong

Ngot Bi, is 91 years old and is one of the most revered senior citizens in Kampung Semera Ulu Sadong Jaya, Asa Jaya, Sarawak where she lives. She is among the few remaining traditional mat weavers in the state and boasts over 80 years of experience in the craft, making her the go-to person for handcrafted mats in the community.

"When I was younger, I learned weaving in my village. I practised slowly, day and night. Over time, I became skilled in weaving," she says.

"I continue to weave because my heart tells me to weave. But I'm old and I tire easily. It's a difficult process to weave these mats. Often, my body aches after hours of weaving. But I continue to do it as I enjoy weaving. Slowly but surely, I can finish my handcrafted mats," said Ngot in a video produced by Yayasan Hasanah.

Although Ngot is skilled in weaving techniques like twinning (a technique employed to make baskets) and interlacing (used to make mats with traditional motifs), she's carved a name for herself as one of the last few pandan bergerang (lattice plaited pandanus leaves) mat weavers in Sarawak.



Ngot (second from right) received her award for Best Traditional Weaving (Plaiting) at Hasanah Gold Thread Awards from Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri. Photo: Tanoti

Ngot has earned the reputation as being one of the last few pandan bergerang mat weavers in Sarawak. In September, she was accorded the title of Best Traditional Weaving (Plaiting) at Yayasan Hasanah's Hasanah Gold Thread awards, an event celebrating excellence and innovation in Malaysian heritage textiles and techniques.

"It took me three months to complete the winning piece. This is because there are many floral patterns on the mat," explained Ngot, who learned the art from an elderly weaver from Betong, Sarawak in 1999.

The award is one of several honours the mother of seven has received throughout the years as a skilled weaver.

In 2005, the grandmother of eight earned the Seal Of Excellence for Handicraft Products in Southeast Asia award from Unesco. Nine years later (2014), she earned the title Adiguru Kraf Anyaman (Master Weaver/Craftswoman) by Kraftangan Malaysia.



Lattice plaited mengkuang mats handcrafted by Ngot.

Weaving her tradition

Pandan bergerang weaving, a heritage of the Malay community in Saribas, Sarawak, involves intricate layered mat weaving of squares that represent motifs inspired by traditional beliefs.

The handwoven mats serve various purposes within the Malay community; They are used for prayers, weddings, as welcoming gifts for firstborns, and during wedding ceremonies.

Some Orang Asli communities in Peninsular Malaysia use the lattice weaving technique to make headbands, bags and bookmarks.

The meticulous process begins with selecting and cutting pandanus leaves to the same size, flattening them with a tool called "jangat", boiling them and then straightening, soaking, and sun-drying the leaves.

Ngot says the completion times for her products varies and can take up to a year for larger sized mats. Smaller projects take about a month. The primary challenge is ensuring uniformity in the weave.

"Weaving is not only challenging but also requires patience. Specific challenges faced include discrepancies in the size of the motifs, in which case I have to undo the work and reweave."

Ngot worries about the future of this traditional weaving technique.

She recognises the dedication needed to master the craft which makes it less than appealing among youngsters in this fast-paced world.

"I tried to teach my children and grandkids but sadly, they are not interested in this craft. Many people aren't interested in this craft because it's time-consuming and the earnings aren't much," says the great-grandmother of one.

Despite this, she's hopeful that the younger generation will take an interest and appreciate the beauty of the weaving process.

"In the future, I hope more organisations will organise workshops to encourage the younger generation to be interested in this craft of tikar bergerang."



Ngot is a passionate mat weaver with over 80 years experience under her belt.



The leaves of the mengkuang plant are sliced into strips to craft a variety of items, including bags, floor mats and wall hangings. Photo: Filipic



#Showbiz: Ross Ariffin wishes to stay at JKM-run home for the elderlies

By Tahir Alhamzah - January 3, 2024 @ 5:16pm



Ross Ariffin, the song composer whom had been living as a homeless individual for the past three years, hopes to be placed at a home for senior citizens soon. - NSTP file pic

KUALA LUMPUR: Ross Ariffin, the song composer whom had been living as a homeless individual for the past three years, hopes to be placed at a home for senior citizens soon.

In a recent Harian Metro report, the 61-year-old whose real name is Roslan Ariffin Jamil was currently warded at Alor Gajah Hospital after he was involved in a road accident in Kuala Lumpur in October.


Ross, who was categorised as a homeless person, was earlier admitted to Melaka Hospital for a month, after his admission was handled by the Welfare Department after the accident, during which he sustained a broken arm.

The report quoted Persatuan Karyawan Malaysia Negeri Melaka's chairman and Karyawan Melaka committee member Datuk Zainal Abu Bakar as saying: "I visited him at the hospital together with Zaiton Sameon recently and he mentioned that he hoped Karyawan could assist in expediting his transfer from there to the Welfare Department-run home soonest."

Zainal also added that Ross had lamented that prior to that visit, nobody had come to see how he was faring.

In the past, Ross had suffered stroke twice.

In his heyday, Ross composed songs for some of the popular singers including Datuk Seri Siti Nurhaliza, Ning Baizura, Fauziah Latiff and Liza Aziz.



Tujuh tahun terpisah, keluarga kandung kanak-kanak dicari

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA [Follow](#) 03 Januari 2024 02:25pm Masa membaca: 1 minit



Rizami dan Rohana kini membesarkan Annur Puteri Syakila sejak diserahkan oleh ibu bapa kandung pada 2017.
Foto JKM

BALING - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Baling sedang mengesan ibu bapa kandung seorang kanak-kanak perempuan yang kini dalam jagaan keluarga angkat sejak tujuh tahun lalu.

Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Baling, Mohd Nur Helmi Ramli berkata, mangsa dikenali sebagai Annur Puteri Syakila, 7, yang dipercayai anak kandung kepada pasangan warga Indonesia.

Menurutnya, kedua ibu bapa kandung hanya dikenali sebagai Anuar dan Dwi Astuti tanpa sebarang maklumat pengenalan diri.

"Saya difahamkan, Annur Puteri Syakila diserahkan oleh ibu bapa kandungnya kepada penjaga, Rizami Mohd Saad, 42, dan isteri, Rohana Hashim, 40, dari Kampung Kepala Titi, Sedim, Kedah tanpa sebarang dokumen pengenalan diri sejak tahun 2017.


"Dia diserahkan oleh pasangan warga Indonesia itu ketika berusia tiga bulan di Rumah Kongsu Tapak Perumahan Pulau Tikus dengan alasan tidak mampu membesarkannya kerana hanya berpendapatan sebagai pekerja kontrak," katanya.

Bagaimanapun, hasil carian di merata tempat gagal menemui kedua ibu bapa kandung tersebut bagi tujuan mendapatkan maklumat peribadi Annur Puteri Syakila.

Berikutan itu, laporan polis juga telah dibuat oleh pihak penjaga.

Mohd Nur Helmi berkata, permohonan pengecualian Seksyen 15(3) Akta Kanak-kanak 2001 telah diluluskan untuk siaran media.

Beliau berkata, waris atau orang ramai yang mengenali ibu bapa kandung kanak-kanak berkenaan boleh menghubungi JKM Baling di talian 04-4700900.



Wanita, adik ipar dicabul ketika berubat dengan 'ustaz'



Oleh MASZUREEN HADZMAN | 3 Januari 2024, 7:57 pm

PETALING JAYA: Seorang wanita bersama adik iparnya dicabul selepas menerima rawatan daripada seorang lelaki warga Indonesia menggelar dirinya 'ustaz' di Kampung Datuk Keramat, dekat sini.

Dalam kejadian pukul 9.30 malam itu, mangsa mendakwa berada dalam keadaan separuh sedar ketika dicabul oleh suspek.

Susulan itu, mereka kemudian tampil membuat laporan di Balai Polis Jalan Tun Razak semalam.

Menurut sumber, mangsa berusia 25 tahun bersama adik iparnya, 20, ke rumah terbabit untuk meneruskan rawatan kali ketiga.

"Mereka dibawa ke bilik berasingan oleh suspek sebelum menjadi mangsa cabul lelaki itu.

"Ini adalah kejadian kali pertama dicabul ketika menerima rawatan dengan suspek," katanya.


Dalam pada itu kata sumber, suspek berkenaan bagaimanapun diberkas sebaik siasatan dilakukan pada hari yang sama.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan. – [UTUSAN](#)



Pukul isteri hanya kerana tutup pintu dengan kuat

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my



GAMBAR Hiasan

Ampang Jaya: Seorang lelaki memukul isterinya hanya kerana wanita itu menutup pintu dengan kuat di kediaman mereka di Taman Maju Jaya, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, ketika kejadian, pertengkar berlaku akibat salah faham sebelum suspek berusia 45 tahun memukul isterinya hingga menyebabkan mangsa sakit dan lebam di tangan, kaki serta badan.


Katanya, hasil pemeriksaan pegawai perubatan Hospital Ampang mendapati anita berusia 40 tahun terbahit mengalami kecederaan tisu lembut pada tangan kanan, jari tengah sebelah kanan dan kaki kanan.

"Mangsa membuat laporan polis berhubung kejadian itu 2 pagi kelmarin. Pada 5.25 petang semalam, polis menahan suspek di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya.

"Hasil ujian air kencing ke atas suspek dapati negatif dadah dan suspek tiada rekod jenayah lampau," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Azam berkata, permohonan reman terhadap suspek di Mahkamah Ampang akan dipohon hari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga.

Disiarkan pada: Januari 3, 2024 @ 11:55am



Amah tanam bayi belakang rumah

Oleh ASYRAF MUHAMMAD 3 Januari 2024, 2:07 pm



LOKASI penemuan mayat bayi lelaki yang ditanam di belakang sebuah rumah di Taman Mutiara, Kangar pada Sabtu lalu.

KANGAR – Mayat seorang bayi lelaki cukup sifat ditemui ditanam di belakang sebuah rumah di Taman Mutiara, di sini dalam kejadian pada Sabtu lalu.

Bayi malang itu ditemui kira-kira pukul 10.30 pagi oleh pengadu yang merupakan seorang guru lelaki selepas terhidu bau busuk dari belakang rumahnya.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd. Yusop berkata, pengadu kemudian bertindak mencangkul lokasi bau itu lalu menemui satu mayat disyaki bayi berbungkus kain putih dalam keadaan berulat.

“Pengadu itu juga telah hadir ke balai polis bagi membuat laporan berhubung penemuan itu untuk tindakan selanjutnya,” katanya di sini hari ini.

Berikutan itu, Yusharifuddin berkata, hasil siasatan dijalankan mendapati bayi itu tertanam di dalam tanah yang berkedalaman 12.7 sentimeter (cm) di kawasan terbuka dan tidak berpagar.

Katanya, pemeriksaan lanjut turut mendapati jantina bayi tersebut adalah lelaki dan cukup sifat selain panjang ukurannya adalah 46 sentimeter yang masih bertali pusat.

Dalam pada itu, Yusharifuddin berkata, polis juga berjaya mengesan suspek dipercayai terlibat dalam kes itu yang merupakan seorang pembantu rumah dan bekerja di salah sebuah rumah sekitar taman berkenan selain mengaku menanam bayi tersebut selepas mendapati dia tidak lagi bernyawa. – KOSMO! ONLINE



Penggunaan internet bebas faktor berlaku kes jenayah seksual

Januari 3, 2024 @ 3:12pm




Foto hiasan

KANGAR: Penggunaan telefon pintar yang berleluasa tanpa sebarang batasan adalah salah satu faktor yang menyebabkan jenayah seksual terus meningkat, kata Ketua Polis Perlis, Datuk Muhammad Abdul Halim.

Beliau berkata, di Perlis, sejumlah 215 kes jenayah seksual dikendalikan polis dalam tempoh 2019 hingga tahun lalu membabitkan kes jenayah rogol (110), tindakan seksual terhadap kanak-kanak (73 kes), kes sumbang mahram (17 kes) dan kes liwat (15 kes).

Beliau yang ditemui pemberita selepas merasmikan Kempen Kesedaran Jenayah Seksual di Sekolah Menengah Kebangsaan Derma di sini, hari ini berkata, kempen kesedaran itu adalah antara usaha polis dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perlis untuk mendedahkan mengenai bahana jenayah seksual kepada orang ramai, terutama para pelajar.

"PDRM (Polis Diraja Malaysia) dan JPN akan terus meneruskan penganjuran jerayawara di setiap sekolah sama ada sekolah menengah, sekolah rendah, sekolah agama, mahupun IPT di seluruh Perlis sehingga jenayah ini dapat dikawal sekali gus dapat dibanteras sehingga sifar kes," katanya. - BERNAMA



Tergamak belasah anak sebab terkencing di sofa

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Petaling Jaya: Seorang bapa tergamak memukul anak lelakinya berusia tiga tahun hanya kerana kanak-kanak itu terkencing di sofa ruang tamu di kediaman mereka di Taman Putra Damai, Lembah Subang, di sini, Ahad lalu.

Dalam kejadian 11.50 pagi itu, lelaki berusia 29 tahun yang gagal mengawal kemarahannya itu turut bertindak memukul isterinya.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, akibat kejadian itu, isteri suspek berusia 27 tahun dan kanak-kanak terbabit mengalami kecederaan fizikal.

"Polis menerima laporan kejadian dan sudah menahan suspek. Lelaki itu direman bermula kelmarin hingga 7 Januari ini bagi membantu siasatan.

"Siasatan mendapati punca kejadian itu kerana anaknya terkencing di sofa ruang tamu," katanya kepada Harian Metro hari ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga dan Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001.

Disiarkan pada: Januari 3, 2024 @ 6:06pm



TAJUK : POLIS TAHAN PEMBANTU RUMAH WARGA INDONESIA BANTU SIASATAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 JAN 2024

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kes penemuan mayat bayi

Polis tahan pembantu rumah warga Indonesia bantu siasatan

Kangar: Polis menahan pembantu rumah warga Indonesia bagi membantu siasatan berkaitan penemuan mayat bayi lelaki di belakang rumah di Taman Mutiara, di sini, 10.30 pagi, 30 Disember lalu.

Suspek, 24, yang juga ibu tunggal ditahan polis sehari selepas kejadian.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop, berkata mayat bayi itu ditemui apabila seorang guru, 44, terhidu bau busuk di belakang rumahnya.

Katanya, lelaki itu menggali di lokasi berbau busuk itu sebelum menjumpai mayat disyaki bayi berbungkus kain putih yang sudah berulat.

“Terkejut dengan pene-

muan itu, guru itu kemudian ke Balai Polis Kangar untuk membuat laporan. Pemeriksaan polis mendapati bayi yang masih bertali pusat dan beruri serta dibalut kain putih, dijumpai tertanam di dalam tanah kira-kira 0.127 meter.

“Hasil pemeriksaan mendapati mayat bayi itu adalah lelaki yang cukup sifat,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Yusharifuddin berkata, siasatan selanjutnya mendapati mayat bayi lelaki itu adalah anak suspek yang melahirkannya, 20 Disember lalu di bilik air, kediaman di Taman Mutiara.


Beliau berkata, suspek memandikan anaknya yang baru dilahirkan, na-

mun menyedari tiada sebarang pergerakan pada bayi itu.

“Panik dan tidak tahu tindakan selanjutnya, suspek secara senyap pergi ke belakang rumah jirannya itu pada 21 Disember, 6.30 pagi sebelum menggali tanah di kawasan itu dan menanam bayi berkenaan,” katanya.

Mayat bayi itu dibawa ke Unit Forensik Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar bagi proses bedah siasat pada 31 Disember lalu.

Reman suspek yang berakhir semalam dilanjutkan selama dua hari lagi sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksamaan kerana menyembunyikan kelahiran.



TAJUK : LELAKI PUKUL ISTERI TUTUP PINTU KUAT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 JAN 2024

M/SURAT : 13

ZONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM


Lelaki pukul isteri tutup pintu kuat

Ampang Jaya: Tidak puas hati selepas mendakwa isterinya menutup pintu dengan kuat menyebabkan seorang lelaki tergamak memukulnya dengan tangan di kediaman mereka di Taman Maju Jaya di sini, sehingga mangsa mengalami lebam di badan.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, mangsa berusia 40 tahun membuat laporan polis pada jam 2 pagi Isnin lalu selepas berselisih faham dengan suaminya yang berusia 45 tahun.

Menurutnya, dalam pertengkaran antara mereka itu, suspek bertindak memukul mangsa dengan menggunakan tangan dan menyebabkan dia mengalami sakit dan lebam di bahagian tangan, kaki dan badan.

"Hasil pemeriksaan pegawai perubatan Hospital Ampang mendapati mangsa mengalami kecederaan tisu lembut pada tangan kanan, jari tengah sebelah kanan dan kaki kanan," katanya.



TAJUK : MAYAT BAYI LELAKI DITEMUI DITANAM BELAKANG RUMAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 JAN 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kangar: Bau busuk yang dihidu seorang guru membawa kepada penemuan mayat bayi lelaki yang ditanam di belakang sebuah rumah di Taman Mutiara, di sini, pada 30 Disember lalu.

Berikutan itu, polis menahan seorang pembantu rumah warga Indonesia berusia 28 tahun yang juga ibu tunggal bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop berkata, mayat bayi itu ditemukan jam 10.30 pagi apabila seorang guru berusia 44 tahun terbau bau sangat busuk di belakang rumahnya.

"Lelaki terbabit pergi ke belakang rumahnya lalu mencangkul tempat berbau busuk itu sebelum menjumpai satu mayat disyaki bayi bungkus kain putih yang sudah pun berulat.

"Terkejut dengan penemuan itu, guru terbabit membuat laporan di Balai Polis Kangar dan pemeriksaan polis mendapati bayi berkenaan dijumpai tertanam di dalam tanah ber-



LOKASI penemuan mayat bayi lelaki yang ditanam.

Mayat bayi lelaki ditemui ditanam belakang rumah

kedalaman 0.127 meter.

"Siasatan mendapati kawasan di belakang rumah guru itu adalah kawasan terbuka yang tidak berpagar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, pemeriksaan mendapati mayat bayi itu masih bertali pusat, beruri dan cukup sifat selain dibalut dengan kain berwarna putih.

"Hasil siasatan, polis me-


nahan seorang wanita berasal dari Indonesia yang bekerja sebagai pembantu rumah di sebuah rumah di kawasan perumahan berkenaan.

"Siasatan lanjut mendapati bayi lelaki berkenaan adalah anak wanita terbabit yang dilahirkannya kira-kira jam 12 tengah hari pada 20 Disember lalu.

"Akibat panik selepas mendapati bayi itu tidak

bernyawa ketika memandikannya kerana tiada pergerakan, suspek pergi ke belakang rumah sebelum menggali tanah di kawasan itu dan menanam bayi berkenaan," katanya.

Menurutnya, mayat bayi lelaki itu dihantar ke Unit Forensik Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan hasil bedah siasat mendapati tiada sebarang kecederaan luaran dan dalaman.



TAJUK : PENGGUNAAN TELEFON PINTAR FAKTOR BERLAKU KES JENAYAH SEKSUAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 JAN 2024

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Penggunaan telefon pintar faktor berlaku kes jenayah seksual

Kangar: Penggunaan telefon pintar yang berleluasa tanpa sebarang batasan adalah salah satu faktor yang menyebabkan jenayah seksual terus meningkat, kata Ketua Polis Perlis Datuk Muhammad Abdul Halim.

Menurutnya, di Perlis, 215 kes jenayah seksual dikendalikan polis dalam tempoh 2019 hingga tahun lalu.

“Ia membabitkan 110 kes jenayah rogol, tindakan seksual terhadap kanak-kanak (73 kes), kes sumbang mahram (17 kes) dan kes liwat (15 kes),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Kempen Kesedaran Jenayah Seksual di Sekolah Menengah Kebangsaan Derma, di sini, semalam.

Menurutnya, kempen ke-

“Ia membabitkan 110 kes jenayah rogol, tindakan seksual terhadap kanak-kanak (73 kes), kes sumbang mahram (17 kes) dan kes liwat (15 kes)”

sedaran itu diadakan antara usaha polis dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis untuk mendedahkan bahaya jenayah seksual kepada orang ramai, terutama pelajar.

“PDRM (Polis Diraja Malaysia) dan JPN akan meneruskan penganjuran jerayawara di setiap sekolah sama ada sekolah menengah, sekolah rendah, sekolah agama, mahupun IPT di seluruh Perlis sehingga jenayah ini dapat dikawal sekali gus dapat dibanteras sehingga sifar kes,” katanya.



TAJUK : MAN HELD FOR ASSAULTING WIFE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 4 JAN 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man held for assaulting wife


KUALA LUMPUR: Police arrested a man for allegedly assaulting his wife during an argument at their home in Taman Maju Jaya, Ampang on Monday.

The incident, which occurred at about 2am, began when the 45-year-old suspect was upset when his wife slammed the door and an argument broke out.

Ampang Jaya police chief ACP Mohd Azam Ismail said the suspect hit his wife, causing her pain and bruises.

The 40-year-old woman suffered soft tissue injuries on her hands, right middle finger and legs. The man was arrested at 5.25pm on Tuesday. He tested negative for drugs and did not have any criminal records.

"Police will seek a remand order for the suspect," he said, adding that the case is being investigated under Section 323 of the Penal Code for intentionally causing harm and Section 18A of the Domestic Violence Act.
- Bernama



TAJUK :	PUKUL ISTERI HINGGA CEDERA SEMATA-MATA KERANA TUTUP PINTU DENGAN KUAT		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	4 JAN 2024	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Pukul isteri hingga cedera semata-mata kerana tutup pintu dengan kuat

KUALA LUMPUR: Polis menahan seorang lelaki yang disyaki memukul isterinya sehingga mengalami kecederaan semasa bertengkar, dikatakan semata-mata kerana marah isterinya itu kerana menutup pintu dengan kuat di rumah mereka di Taman Maju Jaya, Ampang di sini, dua hari lepas.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya ACP Mohd Azam Ismail berkata pengadu yang berumur 40 tahun itu mengalami lebam pada

badan di samping kecederaan pada bahagian kaki dan tangan, dalam kejadian pada kira-kira jam 2 pagi itu.

Beliau berkata suspek berusia 45 tahun ditahan di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya pada pukul 5.25 petang kelmarin, dan kes disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan, dan di bawah Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga.

Sementara itu, seorang wadar Jabatan Penjara Pengkalan Chepa ditemukan meninggal dunia di dalam sebuah kereta berhadapan deretan kedai Pasar Cabang 3, Pengkalan Chepa di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu ACP Mohd Rosdi Daud berkata pihaknya menerima aduan berhubung kejadian itu pada 10.17 malam mengenai seorang lelaki berusia 45 tahun tidak sedarkan diri di dalam sebuah kenderaan.— Bernama